



## MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

### JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Johor Darul Ta`zim atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan di Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

#### A. JAWATAN LANTIKAN:

1. SKIM PERKHIDMATAN	:	<b>PEGAWAI PENILAIAN</b>
GRED	:	<b>W41</b>
TARAF JAWATAN	:	<b>Tetap</b>
JUMLAH KEKOSONGAN	:	<b>Satu (1)</b>
KLASIFIKASI	:	<b>Kewangan</b>
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	<b>Pengurusan Dan Profesional</b>
JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM (JGMM)	:	<b>RM2,094.00 – RM9,585.00</b>
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	:	<b>RM225.00</b>

#### 1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) Ijazah Sarjana Muda Sains (Pengurusan Harta Tanah) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred W41 : RM2,508.29) dan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

## 2. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

- a) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penilaian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Penilaian Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
  - ii) lulus Peperiksaan Ikhtisas Bahagian I, Bahagian II dan Bahagian III anjuran Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya oleh Kerajaan; dan
- b) had umur pelantikan;
- i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

2. SKIM PERKHIDMATAN	: <b>ARKITEK</b>
GRED	: <b>J41</b>
TARAF JAWATAN	: <b>Tetap</b>
JUMLAH KEKOSONGAN	: <b>Satu (1)</b>
KLASIFIKASI	: <b>Kejuruteraan</b>
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: <b>Pengurusan dan Profesional</b>
JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM (JGMM)	: <b>RM2,529.00 - RM9,643.00</b>
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: <b>RM225.00</b>

### 1. SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

- Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,736.28); atau
- c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 2. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Seni Bina adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Arkitek Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a)
  - i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); dan
  - ii) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Arkitek Malaysia/Persatuan Arkitek Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- b) had umur pelantikan:
  - i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

3. SKIM PERKHIDMATAN	: <b>PENJAGA JENTERA ELEKTRIK</b>
GRED	: <b>J19</b>
TARAF JAWATAN	: <b>Kontrak</b>
KEKOSONGAN JAWATAN	: <b>Satu (1)</b>
KLASIFIKASI	: <b>Kejuruteraan</b>
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: <b>Pelaksana</b>
JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM (PP1/2016)	: <b>RM1,377.00 – RM4,052.00</b>
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: <b>RM100.00</b>

## SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A0 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji permulaan di Gred J19 ditetapkan mengikut kategori Sijil Kekompetenan:

- A0/1 : RM 1,435.12
- A4-2/A4-1/A4 : RM 1,493.24
- B0-2/B0-1/B0/B1/B4 : RM 1,551.36

- c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## B. PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN :

- i) Imbuhan Tetap Perumahan
- ii) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
- iii) Bantuan Sara Hidup

## C. CARA MEMBUAT PERMOHONAN :

- i). Permohonan hendaklah menggunakan **Borang Jawatan Kosong Majlis Perbandaran Pasir Gudang** dengan bayaran RM1.00 setiap borang yang boleh didapati di Kaunter Khidmat Pelanggan MPPG atau muat turun secara percuma melalui laman web [www.mppg.gov.my](http://www.mppg.gov.my)
- ii) Semua permohonan hendaklah disertakan :-
  - a) Salinan Kad Pengenalan dan Salinan Sijil Lahir
  - b) Salinan Sijil-Sijil Persekolahan
  - c) Salinan Sijil Berhenti Sekolah
  - d) Salinan Lesen Memandu
  - e) Gambar Warna Berukuran Passport
  - f) Surat/dokumen-dokumen berkaitan jika ada, serta di alamatkan kepada;

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG  
ARAS 19, MENARA AQABAH  
JALAN BANDAR, 81700 PASIR GUDANG  
(U.P: BAHAGIAN SUMBER MANUSIA)**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 14 APRIL 2019**

- iii) Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan 3 laporan penilaian prestasi tahunan yang terakhir sepertimana mengikut peraturan 18 Tahun 2012 dibawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan penamatan Perkhidmatan).
- iv) Hanya calon yang layak untuk ditemuduga sahaja akan dihubungi. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup dianggap tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.
- v) Calon hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi.

**D. PERMOHONAN YANG AKAN DITOLAK**

- i) Borang permohonan yang tidak lengkap dan tidak ditandatangani
- ii) Borang yang tidak disertakan dokumen yang lengkap
- iii) Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan bagi kakitangan Kerajaan
- iv) Borang yang diterima selepas tarikh tutup iklan
- vi) Tidak menyertakan gambar passport berwarna



**HAJI ZAINOR BIN ADANI**  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Pasir Gudang

riny/2019/iklanjawatankuasa/41.w41.j19